

**SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN WAU/LAYANG-LAYANG SEMPENA
FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA PASIR GUDANG KE-20, 2015
(20TH PASIR GUDANG WORLD KITE FESTIVAL 2015)**

1.0 PENGANJUR

Festival ini anjuran Kerajaan Negeri Johor melalui Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dengan kerjasama Jabatan Pelancongan Negeri Johor dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Dan Pelancongan Malaysia Johor, Kementerian Pendidikan Malaysia , Persatuan Pelayang Johor dan Majlis Pelayang Malaysia.

2.0 TARIKH

24 Februari hingga 1 Mac 2015.

3.0 TEMPAT

Bukit Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang dan Padang Perbandaran Pasir Gudang, Johor.

4.0 JENIS-JENIS PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan Wau Bulan Tradisi Naik Peringkat Kebangsaan
- 4.2 Pertandingan Wau Kucing Tradisi Naik Peringkat Kebangsaan
- 4.3 Pertandingan Wau Jalabudi Tradisi Naik Peringkat Kebangsaan
- 4.4 Pertandingan Wau Merak Naik Peringkat Kebangsaan (Wau Tradisi Negeri Johor)
- 4.5 Pertandingan Wau Bulan Tradisi Sobek/Cantik Peringkat Kebangsaan (Pokok Seri Pagi / Pokok Kenerak).
- 4.6 Pertandingan Wau Kucing Tradisi Sobek/Cantik Tradisi Peringkat Kebangsaan(Pokok Labu Air/Pokok Semalu@Duri Keman)
- 4.7 Pertandingan Wau Jalabudi Tradisi Sobek/Cantik Tradisi Peringkat Kebangsaan (Pokok Timun Cina/Pokok Daun Jawa)
- 4.8 Pertandingan Wau Merak Tradisi Negeri Johor Sobek/Cantik Peringkat Kebangsaan.
- 4.9 Pertandingan membuat Wau Tradisi Peringkat Kebangsaan (Pembuatan/Sobek)
- 4.10 Pertandingan membuat Wau Tradisi Peringkat Kebangsaan (Menaikkan/Ketinggian)
- 4.11 Pertandingan Layang-Layang Ciptaan 3D Terbuka (Tema Ulangtahun)
- 4.12 Pertandingan Wau Kucing Besar Minima 9 kaki.
- 4.13 Pertandingan Permainan Wau Daun Secara Tradisional Peringkat Kebangsaan (Penggunaan Satu Pancang Meter)
- 4.14 Pertandingan Layang-layang *Rokkaku Challenge* terbuka agensi kerajaan/swasta/kelab/persatuan (Berukuran minima 9 kaki)

- 4.15 Pertandingan layang-layang 'Malay Kite' berukuran 3' x 3' terbuka (laga di udara)
- 4.16 Pertandingan Wau Bulan Tradisional Naik Peringkat Sekolah Kebangsaan.
- 4.17 Pertandingan Layang-layang Ciptaan 2D Peringkat Sekolah Kebangsaan & Antarabangsa (Tema Ulang Tahun).
- 4.18 Pertandingan Layang-layang *Train Kite* Peringkat Sekolah Kebangsaan & Antarabangsa (Tema Ulang Tahun).
- 4.19 Pertandingan Layang-layang *Rokkaku* berukuran tulang belakang minima 5 kaki Peringkat Sekolah Kebangsaan & Antarabangsa (Tema Ulang Tahun)

5.0 SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

5.1 PENYERTAAN PERTANDINGAN PERINGKAT KEBANGSAAN

- 5.1.1 Persatuan Pelayang Negeri dan Kelab yang bergabung dengan Majlis Pelayang Malaysia (MPM).
- 5.1.2 Maksima 4 pasukan sahaja. Boleh menghantar 1 pasukan daripada Pejabat SUK Negeri sekiranya terdapat jemputan penyertaan melalui pihak penganjur.
- 5.1.3 Setiap pasukan yang bertanding hendaklah terdiri daripada 5 orang iaitu dua regu (4 orang dan seorang Pengurus/Ketua Pasukan).
- 5.1.4 Setiap pasukan **DIWAJIBKAN** membawa sekurang-kurangnya **Empat (4) Set Wau Tradisi** untuk dua regu tersebut (Syarat penyediaan wau selanjutnya rujuk 6.0).
- 5.1.5 Peserta bagi kategori pertandingan membuat wau pula dihadkan maksima penyertaannya kepada 3 pasukan bagi setiap negeri (Rujukan selanjutnya 12.1)
- 5.1.6 Peserta yang terlibat di dalam Pertandingan Membuat Wau tidak dibenarkan terlibat bertanding di dalam kategori arena yang lain.

5.2 PENYERTAAN PERTANDINGAN PERINGKAT AGENSI SWASTA / KERAJAAN (ROKKAKU KORPORAT)

- 5.2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada agensi kerajaan/swasta /persatuan/kelab. Setiap pasukan terdiri daripada 4 orang sahaja, iaitu 3 orang pemain dan seorang Pengurus/Ketua.

5.2.2 Layang-layang rokakku berbentuk enam segi yang berukuran tinggi (tulang belakang) tidak kurang dari 9 kaki dengan mempunyai logo syarikat/organisasi.

5.3 **PENYERTAAN SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT KEBANGSAAN & ANTARABNGSA**

5.3.1 Penyertaan dari setiap negeri hanya dibenarkan kepada 3 pasukan sekolah menengah sahaja kecuali Negeri Johor.

5.3.2 Penyertaan adalah secara berpasukan seramai 4 orang terdiri dari 3 orang murid dan seorang guru pengiring.

5.3.3 Setiap penyertaan satu pasukan sekolah adalah ditetapkan membawa dan mempertandingkan wau/layang-layang yang telah disiapkan sepertimana berikut : -

- i) 1 Wau Bulan Naik yang corak hiasannya disobek dengan motif pokok melarat, berukuran tulang belakang dan rentas sayapnya tidak kurang dari 4 kaki
- ii) 1 Layang-layang rokkaku berukuran tulang belakang minima 5 kaki (Tema Ulang Tahun).
- iii) 1 Layang-layang Ciptaan 2D (Tema Ulang Tahun).
- iv) 1 Layang-layang Train Kite yang mempunyai minima 50 unit dengan tidak menggunakan Induk untuk menerbangkannya (Tema Ulang Tahun).
- v) 1 Banner Padang Minima 6 kaki Panjang manakala saiz lebar dan penggunaan bahan adalah bebas. (Tema Logo dan Motto Pasukan masing-masing)

5.3.4 Hanya pelajar sahaja yang dibenarkan bertanding di arena pertandingan kecuali kategori Train Kite yg boleh dibantu oleh Guru Pengiring.

5.3.5 Bahan untuk membuat layang-layang Rokkaku, Ciptaan 2D dan Layang-layang Train Kite adalah bebas dengan corak hiasan boleh **dilukis** atau menggunakan teknik jahitan.

5.3.6 Bagi kategori ii, iii dan iv adalah acara peringkat sekolah antarabangsa dan akan dipertandingkan bersama peserta-peserta jemputan sekolah Asean.

6.0 PENYEDIAAN WAU

- 6.1 Setiap pasukan peringkat Kebangsaan adalah **wajib membawa empat (4) set Wau Tradisi** dan menaikkannya iaitu terdiri 3 jenis Wau Tradisi Malaysia dan 1 jenis Wau Tradisi Negeri Johor. Manakala bagi wau pilihan setiap penyertaan boleh memilih mana-mana kategori yang kehendaki mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.
- 6.2 Jenis Wau adalah seperti berikut :-
- 6.2.1 Wau Tradisi (Wajib)
- a. Wau Bulan
 - b. Wau Kucing
 - c. Wau Jalabudi
 - d. Wau Merak
- 6.2.2 Wau Pilihan
- e. Wau Sobek (Wau Bulan, Kucing, Jalabudi dan Wau Merak)
 - f. Wau Daun (Pertandingan Secara Tradisional menggunakan satu pancang meter sahaja)
- 6.2.3 Terbuka
- g. Malay Kite berukuran 3' x 3' (Laga Di Udara)
 - h. Wau/Layang-Layang Ciptaan 3D (Tema Ulangtahun)

7.0 SYARAT WAU TRADISI

- 7.1 Ukuran dan undang-undang serta syarat-syarat pertandingan adalah mengikut sepertimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Pelayang Malaysia.
- 7.2 Wau hendaklah berukuran tulang belakang dan rentas sayapnya tidak kurang dari 4 kaki dan tidak boleh bersambung.
- 7.3 Bahan yang digunakan untuk pembuatan wau hendaklah daripada bahan asli seperti **buloh dan kertas sahaja**.
- 7.4 Ukuran tali bagi pertandingan Wau Tradisi ialah tidak lebih dari 150 meter (lebih kurang 450 kaki).
- 7.5 Batang busur yang digunakan hendaklah panjang sekurang-kurangnya 2 kaki sebelum dilengkungkan. Dengung juga mestilah diperbuat dari bahan asli seperti daun ibus atau seumpama dengannya.

- 7.6 Wau-wau yang akan dipertandingkan adalah wau-wau baru sahaja. Sekiranya didapati wau itu usang (lama), pihak urusetia/penganjur berhak menolak penyertaannya.
- 7.7 Wau pasang siap samasekali tidak dibenarkan bertanding untuk kategori ini.

8.0 SYARAT WAU MERAK (WAU TRADISI NEGERI JOHOR)

- 8.1 Ukuran Wau Merak adalah seperti yang telah ditetapkan oleh Persatuan Pelayang Johor yang bermotifkan pokok lada hitam. (Rujuk lampiran)
- 8.2 Bahan pembuatan, batang busur, dan ukuran tali adalah sama seperti syarat wau tradisi.
- 8.3 Setiap Wau Merak yang dipertandingkan diwajibkan mempunyai pitu-pitunya sendiri.
- 8.4 Panjang ekor hendaklah sekurang-kurangnya 3 kali panjang tulang belakang Wau Merak tersebut.

9.0 SYARAT WAU SOBEK / CANTIK

- 9.1 Wau Sobek yang dipertandingkan adalah Wau Tradisi Malaysia iaitu Wau Bulan, Wau Kucing dan Wau Jalabudi serta Wau Tradisi Negeri Johor iaitu Wau Merak.
- 9.2 Bilangan wau bagi setiap peserta dalam kategori adalah tidak terhad jumlahnya. Ukurannya adalah sama sepertimana syarat wau tradisi.
- 9.3 Corak bagi kategori Wau Tradisi Malaysia hendaklah dicipta dan diolah berdasarkan salah satu daripada motif seperti berikut :
- i. Wau Bulan Sobek (Pokok Seri Pagi / Pokok Kenerak)**
 - ii. Wau Kucing Sobek (Pokok Labu Air / Pokok Semalu @ Duri Keman)**
 - iii. Wau Jalabudi (Pokok Timun Cina / Pokok Daun Jawa)**
- 9.4 Boleh digubah secara realis atau secara dipermudahkan (Stylised). Kolaj atau tampalan tidak diterima bermaksud corak yang dihasilkan mestilah bersambung dengan menggunakan kertas utama yang sama. Warna bebas tetapi terkawal.

- 9.5 Motif tumbuhan lain sebagai tambahan bagi memantapkan corak adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun ianya hendaklah tidak merosakkan keutuhan motif asal sebagai motif utama (dominance).
- 9.6 Hiasan seperti rambu, busur dan lain-lain perlu dibuat sebagai pelengkap.
- 9.7 Markah bonus akan diberikan sekiranya pencipta dapat melampirkan bersama kertas kerja kajian bagi motif pilihan yang dihasilkan atau memberi penerangan secara lisan apabila diperlukan oleh pihak pengadil.
- 9.8 Kajian corak yang asli dan tulen ciptaan anda amatlah dialukan. Ini bagi menambah khazanah corak wau yang sediaada. Keaslian ciptaan juga akan diambilkira dalam menentukan markah.
- 9.9 Pihak penganjur melalui pengadil yang dilantik berhak menentukan tahap pencapaian peserta bagi membolehkannya memenangi samada Johan, Naib Johan dan tempat ketiga atau sebaliknya.
- 9.10 Sebaik sahaja pendaftaran dibuat, wau-wau ini akan dipamerkan. **Wau yang mendapat tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bagi semua kategori adalah menjadi hak milik penganjur.**

10.0 SYARAT LAYANG-LAYANG CIPTAAN 3D (TERBUKA)

- 10.1 Setiap peserta hanya boleh mendaftar 1 layang-layang seorang berdasarkan tema ***Ulang Tahun***.
- 10.2 Pembuatan hendaklah menggunakan bahan asas fabriknya seperti daripada *nylon ripstop*, *tyvek*, *kain payung* atau yang seumpamanya.
- 10.3 Bukan jenis *inflatable* dan hendaklah mempunyai kerangka yang menggunakan bahan *carbon fiberglass*, kayu ramin, rotan atau buloh yang diraut kemas. Layang-layang tersebut juga hendaklah mempunyai ciri-ciri mudah dipasang dan dibuka. Kekemasannya perlu menggunakan teknik jahitan atau gam. Pilot atau menggunakan layang-layang lain untuk membantu menaikkan adalah tidak dibenarkan.

10.4 Skema Pemarkahan :-

- i) Kreatif, mengikut tema & jelas rekabentuknya - 30 markah
- ii) Kekemasan pembuatan / bahan - 20 markah
- iv) Mudah dipasang dan dibuka - 10 markah
- v) Mudah naik & diterbangkan - 20 markah
- vi) Ketahanan di udara - 20 markah

10.5 Layang-Layang yang pernah dipertandingkan di mana-mana pesta/festival peringkat kebangsaan sama sekali tidak diterima untuk menyertai pertandingan.

10.6 Layang-Layang yang dipertandingkan hendaklah bukan barangan yang telah dijadikan sebagai produk komersil di dalam atau luar negara.

10.7 **Layang-layang yang mendapat tempat Pertama, Kedua dan Ketiga adalah menjadi hak milik penganjur.**

11.0 SYARAT PERTANDINGAN 'MALAY KITE' SAIZ 3' X 3' LAGA DI UDARA (TERBUKA)

11.1 Ukuran Layang-layang adalah 3' x 3' dan tidak berekor.

11.2 Layang-Layang yang dipertandingkan hendaklah diperbuat daripada bahan asli seperti **buloh dan kertas sahaja**.

11.3 Benang/tali menaikkan layang-layang bagi pertandingan ini akan disediakan oleh pihak penganjur.

11.4 Pemenang adalah dikira daripada layang-layang yang paling akhir dapat dijatuhkan atau diputuskan talinya.

11.5 Sistem permainan adalah secara kalah mati.

12.0 SYARAT PERTANDINGAN MEMBUAT WAU TRADISI KEBANGSAAN/PBT JOHOR (4 HARI)

12.1 Setiap negeri/PBT Johor dibenarkan menghantar maksima 3 pasukan sahaja (6 orang) yang terdiri daripada gandingan/pasangan 2 orang pembuat wau setiap pasukan.

12.2 Jenis wau yang akan dibuat ditentukan oleh pihak penganjur di tapak pertandingan dan pertandingan akan dijalankan selama 4 hari berturutan.

- 12.3 **Kecuali peringkat PBT Johor iaitu Peringkat Kebangsaan kali ini perlu membuat wau tradisi bersaiz besarnya 8 kaki ukuran tulang belakang dan rentas sayap (Dibenarkan menggunakan tulang belakang atau rentas sayap yang bersambung)**
- 12.4 Peserta diwajibkan memakai pakaian tradisional pasukan sepanjang pertandingan dijalankan.
- 12.5 Bahan seperti buluh, kertas, rambu dan gam akan disediakan oleh pihak penganjur. Walau bagaimanapun peserta diberi kelonggaran untuk membawa buluh sendiri tetapi belahan bilahan hendaklah minima bersaiz 2 cm. Lain-lain kelengkapan seperti pisau meraut, menyobek, alat tulis berserta gunting & *cutting mat* perlu disediakan oleh peserta.
- 12.6 Peratus Pembahagian Markah adalah seperti berikut : -
- a) Membuat Wau (100%)**
- | | |
|-------------------|-------------|
| - Pakaian Tradisi | - 10 markah |
| - Kreativiti | - 30 markah |
| - Bentuk | - 30 markah |
| - Corak/Hiasan | - 30 markah |
- b) Menaikkan Wau (100%)**
- | | |
|---------------------|-------------|
| - Dengung | - 10 markah |
| - Markah Dibumi | - 20 markah |
| - Ketahanan Diudara | - 20 markah |
| - Ketinggian | - 50 markah |
- 12.7 Semua wau/layang-layang yang dihasilkan akan menjadi hakmilik penganjur.

13.0 PERTANDINGAN WAU KUCING BESAR MINIMA 9 KAKI (TERBUKA)

- 13.1 Semua wau yang hendak dipertandingkan mestilah berukuran **tidak kurang dari 9 kaki dan bebas** bermotifkan pokok melarat. (Dibenarkan menggunakan tulang belakang rentas sayap yang bersambung)
- 13.2 Jika berlaku persamaan markah, keutamaan wau yang lebih besar akan dikira menang.
- 13.3 Setiap Wau yang dipertandingkan diwajibkan mempunyai busurnya sendiri.

14.0 BANTAHAN/RAYUAN

Segala bantahan atau rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 15 minit selepas keputusan acara berkenaan diumumkan dengan mengisi borang rayuan (BP3) dan disertakan wang deposit berjumlah RM100.00. Wang akan dikembalikan sekiranya bantahan/rayuannya diterima.

15.0 PENGANGKUTAN

Pengangkutan peserta atau wau bagi menyertai festival ini adalah di atas tanggungan peserta atau Persatuan Negeri masing-masing, pihak Urusetia Pertandingan akan hanya menyediakan kemudahan pengangkutan sekiranya ada permintaan daripada **tempat penginapan (Stadium Perbandaran) ke tapak Festival (Bukit Layang-Layang, Taman Bandar)**

16.0 MAKAN/MINUM

Penganjur akan menyediakan wang tunai sebanyak **RM20.00** sehari x 5 hari sebagai ganti makan/minum kepada setiap peserta peringkat Kebangsaan serta **RM15.00** sehari x 5 hari kepada setiap peserta peringkat sekolah.

17.0 PENGINAPAN

Penginapan untuk peserta peringkat kebangsaan/tempatan dan sekolah disediakan oleh penganjur mulai **24 Februari – 2 Mac 2015 bertempat di Stadium Perbandaran, Pasir Gudang, Johor.** Walau bagaimanapun semua peserta dinasihatkan supaya membawa cadar dan selimut sendiri.

18.0 PAKAIAN SEPANJANG PERTANDINGAN

Semua pasukan digalakkan memakai pakaian tradisi pasukan negeri atau pasukan masing-masing untuk bermain wau sepanjang pertandingan dijalankan semasa festival.

19.0 PAKAIAN BAGI MAJLIS PERASMIAN/PENUTUP

Semua pasukan dikehendaki memakai pakaian tradisi pasukan negeri semasa acara perasmian yang akan diadakan pada **27 Februari 2015(Jumaat) jam 8.00 malam bertempat di Astaka Muzium Layang-Layang Pasir Gudang di Taman Bandar, Pasir Gudang.**

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah akan diadakan pada **1 Mac 2015 (Ahad) jam 8.00 malam bertempat di Stadium Perbandaran Pasir Gudang** dan peserta dikehendaki berpakaian batik atau berpakaian kemas.

20.0 PENYEDIAAN BENDERA NEGERI/PASUKAN

Setiap pasukan yang menyertai festival ini dikehendaki membawa bendera negeri/pasukan masing-masing atau bendera kelab untuk dinaikkan di tapak festival ini berlangsung.

21.0 KEROSAKAN/KEHILANGAN/KEMALANGAN

Pihak penganjur tidak bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan, kehilangan hartabenda atau apa jua kemalangan bagi maksud penyertaan dalam festival ini.

22.0 PENDAFTARAN WAU

Semua peserta dikehendaki mendaftarkan wau yang akan dipertandingkan pada **24 Februari 2015 (Selasa) mulai jam 2.30 petang bertempat di Stadium Perbandaran, Pasir Gudang, Johor.**

23.0 MAJLIS TAKLIMAT

Satu majlis taklimat akan diadakan pada **24 Februari 2015 (Selasa) jam 9.00 malam, bertempat di Stadium Perbandaran Pasir Gudang, Johor** semua peserta **DIWAJIBKAN HADIR.**

24.0 PERTANYAAN/MAKLUMAT DAN PENYERAHAN BORANG PENDAFTARAN

Segala pertanyaan/maklumat dan penyerahan borang pendaftaran penyertaan pertandingan hendaklah ditujukan kepada alamat berikut : -

Sekretariat

Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang ke-20, 2015

d/a Majlis Perbandaran Pasir Gudang

Aras 19, Menara Aqabah

Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor

Tel : 07-2547777, 2513720/21/22 Fax : 07-2515260

Email : ismailmt@mppg.gov.my ; anuar@mppg.gov.my

(U/P : TN. HJ. ISMAIL HJ. MAT TAIB / EN. ANUAR HJ. ABD GHANI)

25.0 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Tarikh tutup penyertaan ialah pada **16 Februari 2015**. Borang penyertaan perlu diisi dan hendaklah sampai ke alamat Urusetia sebelum tarikh tutup penyertaan. Walau bagaimanapun, pihak tuan dinasihatkan untuk menghubungi urusetia melalui telefon untuk memaklumkan jumlah peserta yang akan menyertai festival tersebut, bagi memudahkan pihak penganjur menyediakan kemudahan penginapan.



FESTIVAL LAYANG-LAYANG SEDUNIA
PASIR GUDANG KE-20, 2015

BORANG PENDAFTARAN PESERTA KEBANGSAAN

A. MAKLUMAT PERSATUAN/KELAB

NEGERI / PERSATUAN / KELAB	:	
ALAMAT	:	
NO. TELEFON	:	
NO. FAX	:	

B. SENARAI NAMA PESERTA

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	STATUS
1			PENGURUS
2			REGU 1
3			REGU 1
4			REGU 2
5			REGU 2

C. PENGESAHAN

TANDATANGAN	:	
NAMA	:	
JAWATAN	:	
TARIKH	:	
COP PERSATUAN/KELAB	:	